

HASIL MSM MENINGKAT 15.9 PERATUS

- Umumkan dividen interim sebanyak 10 sen sesaham

KUALA LUMPUR, NOVEMBER 21, 2016 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), merekodkan peningkatan hasil sebanyak 15.9% pada suku tahun kewangan berakhir 30 September 2016 didorong oleh peningkatan sebanyak 4.0% dalam volum jualan meskipun beroperasi dalam pasaran global dinamik yang amat mencabar.

MSM mencatatkan hasil sebanyak RM633.12 juta bagi suku ketiga TK16 berbanding dengan RM546.49 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Berasaskan perbandingan dari tahun ke tahun, hasil meningkat sebanyak 10.83% berjumlah RM1.82 bilion. Keputusan ini dibantu oleh volum jualan yang lebih tinggi bagi segmen Domestik & Eksport, sebanyak 23.2% dan 7.2% masing-masing.

Namun, kadar pertukaran nilai mata wang RM yang tidak menguntungkan berbanding USD, peningkatan kos gula mentah dan struktur harga gula bertapis yang lemah telah menjelaskan margin operasi Kumpulan bagi tempoh sembilan bulan pertama. Keuntungan sebelum cukai bagi suku ketiga TK16 berjumlah RM32.75 juta manakala keuntungan bersih sebanyak RM23.31 juta.

Bagi tempoh sembilan bulan, Kumpulan terus memperoleh kemajuan dalam penyesuaian harga gula mentah yang tinggi, ketidakstabilan mata wang dolar USD dan peningkatan harga gas asli namun dibantu oleh pengukuhan mekanisme beroperasi serta pengurusan kewangan yang berhemah.

"Secara ketara kos gula mentah telah meningkat hampir 40% sejak awal tahun ini dan ini telah memberi impak terhadap margin syarikat. Walaupun berhadapan suku ketiga yang mencabar, kami tetap berusaha untuk melalui ketidaktentuan ekonomi global semasa. Walau bagaimanapun, kami yakin dapat melihat hasil pendapatan yang tinggi berdasarkan penguasaan pasaran yang kukuh," kata Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Komitded kepada polisi dividennya, Ahli Lembaga Pengarah MSM meluluskan dividen interim sebanyak 10 sen sesaham bagi suku ketiga yang berakhir pada 30 September 2016. "Keputusan Ahli Lembaga Pengarah adalah tanda keyakinan dan kepercayaan terhadap bisnes dan prospek MSM untuk masa hadapan," kata Amri Sahari.

Kini, persekitaran luar masih kelihatan sukar dengan beberapa negara-negara utama yang terlibat dalam segmen pertanian menghadapi ketidaktentuan ekonomi, politik dan cuaca. (terutamanya; Brazil, Thailand, India dan China)

Melihat kepada baki fiskal tahun 2016, strategi MSM masih tertumpu bagi merebut peluang sedia ada dalam pasaran bekalan dan permintaan yang dinamik dengan jangkaan kesan limpahan untuk terus berada dalam pasaran gula sehingga akhir suku pertama 2017.

Jelas sekali, MSM berpengalaman serta telah berjaya melalui pelbagai kitaran pasaran dalam sejarah 52 tahunnya, melalui kepakaran, pemahaman pasaran tempatan dan memenuhi keperluan pelanggan yang kian lama.

Kini, MSM meneruskan usahanya untuk mengukuhkan perniagaan terasnya manakala Kumpulan terus komited dalam hala tuju strategik untuk kian maju demi mewujudkan pemegang saham jangka panjang dan nilai pemegang saham berkepentingan, dan pengisytiharan dividen interim 2016 adalah bukti janji yang dikehendaki.

-TAMAT-

Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.5 bilion (sehingga 2015).

Secara dasarnya, MSM mengoperasikan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpengkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2015, MSM telah menghasilkan 1,033,519 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan 17% adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 65%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com